

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015

SOALAN :

YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai pembangunan yang telah dan sedang dinikmati etnik di negeri Sabah sejak pembentukan Malaysia, 52 tahun lalu.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak Sabah menyertai Malaysia pada 16 September 1963, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan pelbagai program pembangunan secara berterusan dan menyeluruh demi manfaat seluruh rakyat ke arah mencapai negara maju menjelang tahun 2020. Semenjak pembentukan Malaysia lima dekad yang lalu, Malaysia telah berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang stabil pada kadar 6.2% setahun sejak tahun 1970. Pembangunan ekonomi negeri Sabah juga turut berkembang pesat berdasarkan pertumbuhan KDNK di mana ia telah meningkat sejak tahun 1970 dengan hanya **RM1.45 bilion** kepada **RM3.63bilion** pada tahun 1980, **RM6.06bilion** pada tahun 1990 dan seterusnya telah meningkat kepada **RM64.09bilion** pada tahun **2013**. Rakyat Sabah juga menikmati **pendapatan per kapita yang lebih tinggi** iaitu sebanyak **RM19,010** pada tahun 2012 berbanding hanya **RM1,774** pada tahun 1970 (Abdul Kuddus, 1994).

Kerajaan prihatin untuk terus meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan memperbaiki prasarana negeri Sabah untuk manfaat masyarakat dan telah menyediakan peruntukan yang sewajarnya. Malah peruntukan untuk negeri Sabah sentiasa ditambah dalam setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun agar sesuai dengan keperluan rancangan projek-projek pembangunan yang telah dirangka. Dalam **Rancangan Malaysia Pertama**

(1966-1970), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM373.60 juta** bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan di Sabah. Jumlah peruntukan ini telah meningkat kepada RM2.31 bilion dalam tempoh RMKe-6 dan RM13.1 bilion dalam tempoh RMKe-8 meliputi pelaksanaan program dan projek infrastruktur bagi peningkatan sosioekonomi penduduk seperti sekolah, hospital, rumah dan sebagainya (Abdul Kuddus, 1994). Kerajaan komited untuk terus memperbaiki dan merencanakan program-program pembangunan di negeri Sabah dan telah memperuntukkan sebanyak **RM20.6 bilion** sepanjang tempoh **RMKe-10** (EPU JPM, 2015).

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) pada tahun 2010, Kerajaan telah memperkenalkan tujuh (7) Bidang Keberhasilan Utama Negara (- NKRA) iaitu Meningkatkan Taraf Hidup Isu Rumah *National Key Result Areas* Berpendapatan Rendah, Menangani Kos Sara Hidup Rakyat, Meningkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar, Meningkatkan Pengangkutan Awam Bandar, Meningkatkan Pencapaian Pelajar, Mengurangkan Jenayah dan Membanteras Rasuah.

Selaras dengan NKRA untuk Meningkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar kepada kawasan luar bandar termasuk negeri Sabah. Secara keseluruhannya, negeri Sabah telah menikmati kemudahan infrastruktur yang semakin baik. Sebagai perbandingan, pada tahun 2009, **liputan elektrik** luar bandar di Negeri Sabah adalah sebanyak 77% dan telah mencapai liputan sehingga **94.1%** pada tahun **2014**. Begitu juga dengan **liputan bekalan air luar bandar** yang telah meningkat daripada 59% pada tahun 2009 kepada

80.6% pada tahun **2014** (EPU JPM, 2015). Kerajaan juga telah membelanjakan sebanyak **RM107.86** juta dalam tempoh tahun 2012 hingga 2014 bagi membekalkan **86,720 unit tangki air** kepada rakyat di pedalaman Sabah (ICU JPM, 2015). Selain itu, **akses kepada jaringan jalan raya di luar bandar** juga telah dipertingkat daripada **5,606km** pada tahun 2009 kepada **7,246km** pada tahun 2014 (EPU JPM, 2015). Selain itu juga, Kerajaan telah menyediakan Program Bantuan Rumah (PBR) kepada golongan miskin di luar bandar. Sepanjang RMKe-8, sebanyak **RM32.7juta** telah diperuntukkan di bawah program PBR dan terus ditambah kepada **RM463juta** dalam tempoh RMKe-10 (EPU JPM, 2015). Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil berat akan kepayahan rakyat dan komited untuk terus menyediakan kemudahan yang lebih baik dan teratur untuk kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui Program Pembasmian Kemiskinan, insiden kemiskinan di Negeri Sabah telah menurun iaitu daripada **58.3%** pada tahun **1976** kepada **3.9%** pada **31 Disember 2014**. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa masyarakat di Negeri Sabah telah menikmati taraf hidup yang lebih baik dengan pendapatan yang lebih tinggi (ICU JPM, 2015).

Selain itu, Kerajaan juga telah menekankan konsep pembangunan inklusif dalam RMKe-10 supaya semua lapisan masyarakat tidak terpinggir daripada arus pembangunan. Kerajaan telah memperkenalkan satu program khusus iaitu Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti

(PKGBM) Sabah dan Sarawak. Program ini meliputi projek pembangunan infrastruktur asas luar bandar, ekonomi, pembasmian kemiskinan, pembinaan Mahkamah Anak Negeri, pendidikan, pengukuran tanah *Native Customary Rights* (NCR) dan pembangunan masyarakat Penan. Program ini merupakan manfaat tambahan yang diberikan khusus kepada masyarakat Bumiputera Negeri Sabah untuk pembangunan sosio-ekonomi masing-masing selain daripada program/projek yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan lain. Sejumlah **RM173.36 juta** telah disalurkan sepanjang tempoh RMKe-10 kepada Negeri Sabah untuk tujuan tersebut (EPU JPM, 2015).

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam pembentangan **Bajet 2016** yang bertemakan "Mensejahterakan Kehidupan Rakyat" yang telah diumumkan baru-baru ini, Negeri Sabah juga tidak terpinggir daripada menerima agihan peruntukan. Malah lebih banyak pembangunan dan kemudahan bakal diterima oleh rakyat Sabah. Ini membuktikan Kerajaan begitu komited dalam menyemarakkan pembangunan di seluruh Malaysia. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan berjumlah **RM515 juta** bagi **meningkatkan perkhidmatan bekalan elektrik** serta liputan elektrik di Negeri Sabah. Selain itu, bagi memastikan masyarakat Sabah mendapat perkhidmatan kesihatan yang lebih baik, Kerajaan juga akan memperbanyakkan perkhidmatan **Klinik Bergerak 1 Malaysia** di pedalaman Negeri Sabah. Ini termasuk memperuntukkan pembelian bot-bot dan kenderaan baru supaya perkhidmatan klinik bergerak ini dapat

sampai ke lebih banyak kawasan pedalaman Sabah (Kementerian Kewangan, 2015).

Negeri Sabah juga bakal menikmati kemudahan infrastruktur jalan raya yang lebih baik melalui pembinaan **Lebuhraya Pan Borneo**. **Fasa 1** projek ini akan bermula dari **Sindumin ke Tawau dengan jarak sejauh 706 km** dan menelan kos sebanyak **RM12.8 bilion**. Projek ini juga bakal menghubungkan bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak dan tidak ada cadangan untuk dikenakan bayaran tol ke atas penggunaan lebuhraya tersebut (Kementerian Kewangan, 2015). Lebuhraya Pan Borneo ini merupakan salah satu projek Aku Janji Kerajaan bagi meningkatkan dan memperbaiki infrastruktur dan *accessibility* di Negeri Sabah. Projek pembinaan ini bukan sahaja menunjukkan bukti bahawa Kerajaan sentiasa menepati janji, tetapi juga komitmen tinggi Kerajaan dalam memastikan tidak berlaku jurang pembangunan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan fokus RMK ke-11 yang memberi tumpuan kepada ekonomi rakyat, pelbagai program/projek pembangunan telah dirancang bagi memastikan pembangunan terus dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia termasuk di Negeri Sabah. Antara strategi yang akan dilaksanakan adalah dengan memperluas penyediaan infrastruktur asas luar bandar seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik. Selain itu, Kerajaan juga akan terus memberi galakan untuk menarik pelaburan swasta dengan menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif. Contohnya

pembangunan projek Jeti Minyak Kelapa Sawit di Sandakan, Sabah. Strategi lain adalah dengan menambah baik hubungan luar bandar dan bandar melalui penambahbaikan kepada ketersambungan, mobiliti dan penggunaan ICT untuk memperkukuhkan peranan *Urban Transformation Centre* (UTC), *Rural Transformation Centre* (RTC) dan mini RTC. Kerajaan juga akan meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas dengan memperluaskan program *Mobile Community Transformation Centre* (*Mobile CTC*) yang menyediakan perkhidmatan utama yang diperlukan kepada penduduk luar bandar atau komuniti pedalaman (EPU JPM, 2015).

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam aspek pembangunan pendidikan, Kerajaan tidak pernah sama sekali meminggirkan Negeri Sabah. Sebagai contoh, peningkatan jumlah bilangan sekolah rendah dan menengah di Negeri Sabah iaitu daripada **459 buah** pada tahun 1963 kepada **1,113 buah** pada tahun 1991 dan terus meningkat pada masa ini. Dalam tempoh yang sama, bilangan pelajar juga terus meningkat daripada **50,763 orang** pada tahun 1963 kepada **358,525 orang** pada tahun 1991 (Abdul Kuddus, 1994). Sehingga bulan Mei 2015, jumlah pelajar sekolah di negeri Sabah terus meningkat kepada **468,805 orang**. Di samping itu, dalam usaha untuk memastikan pelajar cemerlang dari Negeri Sabah dapat menikmati pendidikan peringkat tinggi, pada tahun 2014 Kerajaan telah **meluluskan pemberian kuota khas sebanyak 5 peratus** bagi penerima biasiswa Program Ijazah Dalam Negeri (PIDN) di samping kuota sedia ada bagi program biasiswa luar negara.

Kerajaan juga menunjukkan komitmen yang tinggi untuk memastikan program/projek pembangunan terus dinikmati oleh masyarakat Negeri Sabah melalui penubuhan **Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan **Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak**. Kedua-dua Jawatankuasa ini dianggotai oleh Menteri yang berasal daripada Negeri Sabah dan Sarawak. Antara tanggungjawab kedua-dua Jawatankuasa ini adalah untuk menyelaras dan memastikan perancangan pembangunan dilaksanakan di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak untuk manfaat masyarakat di kedua-dua negeri (ICU JPM, 2015).

Sekian, terima kasih.